

# PM mahu hubungan erat majikan dan pekerja

BU 2.0 NOV 1974

**KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menggesa supaya diwujudkan hubungan majikan-pekerja yang "erat dan secara peribadi" sehingga mereka boleh memanggil satu sama lain dengan menggunakan nama biasa.**

"Katanya adalah perlu bagi para majikan melahirkan suasana kekeluargaan yang dapat mewujudkan hubungan seperti itu, terutamanya dalam penubuhan kesatuan sekerja dalam jabatan."

"Sapaan biasa dan minat terhadap kebajikan para pekerja sehingga di luar tempat perniagaan adalah penting. Penekanan terhadap pangkat serta keistimewaan hen-

daklah dikurangkan, walaupun tidak, dihapuskan sama sekali," katanya ketika berucap di majlis jamuan malam jubli perak Persekutuan Majikan-majikan Malaysia di sini.

"Setiap orang hendaklah disapa mengikut panggilan biasa. Para pengurus hendaklah berada lebih lama di tempat perniagaan atau di pejabat am," tambah beliau.

## Mewah

Katanya, para majikan juga hendaklah sentiasa ingat bahawa pekerja-pekerja mereka memberi sumbangan kepada kejayaan mereka. Oleh itu mereka perlu menentukan pekerja-pekerja mereka sentiasa berpuashati.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia bukanlah se-

buah negara maju dan bukan sebuah negara perindustrian baru atau "Jepun kecil".

Oleh itu, ujarnya, negara masih belum mampu mempunyai sikap dan etika mewah yang disebar oleh setengah-setengah propagandis dari negara-negara sosialis.

Perdana Menteri menambah, sungguhpun Malaysia tidak dapat mengadakan rancangan kebajikan dari "buaiian hingga ke liang kubur," kepada pekerja-pekerjanya, ini tidak pula bermakna kebajikan mereka tidak dapat dijaga.

"Hargailah usaha mereka dengan memberi upah yang setimpal," katanya.

Beliau mengingatkan para majikan supaya menggunakan secara optimum sumber manusia, di samping bertanggungjawab mewujudkan suasana bekerja yang boleh melahirkan harmoni perindustrian yang berkesan.